



UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

TIADA LESEN MENANGKAP IKAN KEPADA WARGA ASING DAN DOF KOMITED BANTERAS PENCEROBOHAN KAWASAN PENANGKAPAN IKAN

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) memandang serius berhubung laporan pihak media mengenai **pencerobohan vesel nelayan Vietnam** ke dalam perairan negara yang mengakibatkan ketirisan hasil laut dan **pencerobohan kawasan oleh vesel pukut tunda tempatan**.
2. Ingin ditekankan bahawa, **DOF tidak pernah** mengeluarkan lesen laut dalam untuk diberikan/disewa/dipajak kepada warga asing dan lesen yang dikeluarkan oleh DOF adalah kepada individu atau syarikat tempatan sepenuhnya.
3. Sebanyak **341 kes tangkapan vesel asing** dengan nilai rampasan dianggarkan sebanyak RM682 juta telah dilaksanakan oleh penguatkuasa DOF, APMM dan Polis Marin pada **tahun 2017 hingga kini**.
4. Dari jumlah tersebut, sebanyak **285 kes tangkapan vesel Vietnam** telah dilaksanakan, manakala 44 kes melibatkan vesel Indonesia, 6 vesel Thailand dan 6 vesel dari negara lain seperti China, Taiwan, Singapura dan Filipina
5. Manakala sebanyak **786 kes vesel pukut tunda tempatan** telah menceroboh kawasan pantai dengan nilai kompaun, denda dan lelong ikan berjumlah RM2.02 juta yang telah menimbulkan konflik kepada nelayan pantai.

6. Mulai September 2017, **DOF tidak lagi** mengeluarkan permit laut dalam untuk vesel perolehan dari luar negara. Terkini, DOF menggalakkan pembinaan vesel baharu dalam negara melalui pemodenan vesel.
7. Tindakan tegas yang telah diambil adalah dengan melaksanakan **program pemutihan vesel laut dalam** bagi memastikan lesen diberikan kepada pengusaha yang benar-benar tulus dan mematuhi undang-undang serta prosedur pelesenan yang ditetapkan. Akta Perikanan 1985 juga telah dikemaskini bagi memastikan setiap kes dapat disabitkan kesalahan.
8. Sejak tahun 2011, sebanyak **577 vesel laut dalam telah dibatalkan lesen** dan 61 lesen lagi sedang di dalam proses pembatalan, termasuk pembatalan permit yang tidak memenuhi syarat pelesenan.
9. Bagi mencari jalan penyelesaian kepada kemelut **pencerobohan vesel pukat tunda ke perairan pantai**, DOF melaksanakan transformasi pukat tunda melalui program *exit policy* bagi memastikan kemampanan sumber perikanan.
10. Nelayan digalakkan untuk **mengusahakan vesel Pukat Tunda di Zon C** atau menukar peralatan yang lebih mesra sumber sekiranya hendak kekal di zon yang sama.
11. Sistem pembaharuan lesen akan ditambahbaik dengan penggunaan **Report Card** bagi vesel laut dalam bagi memberi wajar serta penalti ke atas prestasi pendaratan ikan, keaktifan alat MTU-VMS, ciri keaslian vesel dan juga bilangan kesalahan yang dilakukan.
12. DOF turut akan melaksanakan penggunaan **Quick Response Code - QR dan Radio Frequency Identification - RFID** ke atas vesel laut dalam sebagai kaedah identifikasi dan pemantauan. Selain pemasangan alat **Automatic Identification System (AIS)**, DOF akan melaksanakan penggunaan sistem **e-logbook** bagi hasil tangkapan ikan.

13. Kerjasama serantau untuk membanteras penangkapan ikan secara haram (RPOA-IUU) juga diperkukuhkan melalui platform *bilateral* dengan negara Vietnam dan Thailand.
14. DOF juga komited melaksanakan **operasi bersepadu** bersama agensi penguatkuasaan melibatkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Polis Marin (PPM) bagi membenteras pencerobohan vesel asing dan vesel tempatan di perairan Malaysia.

####

DATO' HAJI MUNIR MOHD NAWI

Ketua Pengarah Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

7 Mei 2019 (Selasa) jam 3:00 petang

Sebarang pertanyaan sila hubungi:-

No. Tel : 012-356 9344 (Yazeereen)

013-631 7313 (Sharir)

Email : ukk@dof.gov.my : pro@dof.gov.my